

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 15/9/2009

Samy paling banyak mencium tangan Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 14 Sept. - Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu merupakan contoh pemimpin yang bukan sahaja tidak mengenang budi tetapi turut melupakan terus sumbangan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang banyak membantu beliau memartabatkan

masyarakat India di negara ini.

Bekas Setiausaha Politik Mahathir selama lebih 25 tahun, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin berkata, semasa Dr. Mahathir memegang tampuk pemerintahan negara, Samy merupakan antara pemimpin yang paling banyak mencium ta-

ngan negarawan itu.

"Tetapi kini apabila tidak lagi berkuasa, segala jasa dan sumbangan beliau tidak lagi dikenang malah selain menghina Dr. Mahathir, beliau turut membiarkan perwakilan MIC menghina pemimpin negara itu.

Um - 15/9/2009
"Saya agak sedih dengan keadaan ini kerana teguran Dr. Mahathir sebelum ini adalah ikhlas demi kepentingan semua tetapi apa yang mengecewakan saya ialah terdapat juga di kalangan pemimpin Melayu yang juga berperangai seperti Samy ini," katanya yang juga bekas Men-

teri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena majlis terbuka puasa Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bersama media di sini malam ini.